

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 82**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah terkini pemandu perkhidmatan seru pandu (e-hailing) dan berapa peratuskah penurunan yang telah berlaku selepas undang-undang baharu e-hailing dilaksanakan mulai 12 Julai 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 30 November 2019 sebanyak 46 syarikat telah diluluskan permohonan Lesen Perniagaan Pengangkaraan yang membolehkan syarikat-syarikat ini menjalankan perkhidmatan e-hailing di Semenanjung Malaysia. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memproses dan meluluskan sebanyak 95,821 Permit Kenderaan e-hailing (eVP) dan pecahan pendaftaran adalah seperti berikut:
  - a. Pendaftaran eVP teksi sebanyak 9,903; dan
  - b. Pendaftaran eVP persendirian sebanyak 85,918.
2. Berdasarkan anggaran yang dikemukakan oleh syarikat pengangkaraan e-hailing pada tahun 2018 sebelum undang-undang e-hailing berkuatkuasa, kira-kira seramai 300,000 orang pemandu pernah berdaftar dengan platform aplikasi perkhidmatan masing-masing. Walau bagaimanapun, bilangan pemandu yang dilaporkan tersebut melibatkan pertindihan antara syarikat-syarikat. Tambahan pula, hanya sebahagian daripada pemandu-pemandu yang berdaftar adalah bertatus aktif.
3. Setelah undang-undang berkuatkuasa mulai 12 Julai 2019 terdapat sedikit penurunan dari segi jumlah pemandu kerana sebahagian pemandu separa masa (*part-time*) merasa tidak berbaloi untuk mendapatkan lesen PSV dan melalui proses yang dikehendaki untuk menjadi pemandu e-hailing yang sah.
4. Pihak APAD percaya penurunan yang berlaku hanyalah bersifat sementara memandangkan penguatkuasaan kawal selia e-hailing baru dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019. Masih terdapat ramai pemandu e-hailing sedang melengkapkan diri dengan keperluan peraturan berkenaan dan pihak APAD masih menerima permohonan pendaftaran eVP sehingga ke hari ini. Jangkaan jumlah pendaftaran eVP akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.